

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-619
BIL. 1/2026 PADA 29 JANUARI 2026

1. MAJLIS PERASMIAN SEBERANG PERAI ASPIRE CENTRE & MBSP SANTUNI KOMUNITI

Majlis Perasmian Seberang Perai Aspire Centre & MBSP Santuni Komuniti telah diadakan pada 24 Januari 2026 yang lalu. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Jumlah kehadiran mencatatkan hampir 3,000 orang yang terdiri daripada kakitangan MBSP, komuniti setempat dan orang awam. Pelbagai hadiah cabutan bertuah yang telah disediakan. Sehubungan itu, MBSP merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Bukit Mertajam serta barisan Ahli Majlis MBSP yang sudi menyumbangkan hadiah-hadiah cabutan bertuah untuk majlis pada kali ini.

Di samping itu, MBSP juga ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan TPr Haji Mohd Ridzal bin Abdul, serta pasukan beliau yang berjaya menyelaras majlis ini yang telah melibatkan sebahagian besar jabatan-jabatan MBSP dan persatuan-persatuan MBSP. Tahniah juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan MBSP yang telah bertungkus lumus untuk

menjayakan majlis pada kali ini. Semoga penganjuran majlis sebegini dapat diteruskan lagi di masa hadapan.

2. SEBERANG PERAI SEBAGAI AHLI *WORLD HEALTH ORGANIZATION'S (WHO) GLOBAL NETWORK OF AGE-FRIENDLY CITIES AND COMMUNITIES*

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menjadi Ahli *World Health Organization's (WHO) Global Network* untuk melaksanakan *Age-Friendly Cities and Communities* yang dikenali dengan AFC di Seberang Perai pada 1 Disember 2025. *Age-Friendly City* atau Bandar Mesra Usia (AFC) adalah rangka kerja yang dibangunkan oleh *World Health Organization (WHO)* dengan mengambil kira keperluan dan keutamaan khusus orang dewasa yang lebih tua. Rangka kerja tersebut menyediakan persekitaran selamat dan inklusif kepada semua kumpulan umur terutamanya warga emas.

MBSP menjangkakan dengan pelaksanaan AFC di Seberang Perai akan meningkatkan *liveability* dan kesejahteraan warga emas. Di samping, memupuk hubungan antara generasi dan komuniti yang lebih inklusif untuk penduduk semua peringkat umur.

3. KEJAYAAN MBSP DALAM ANUGERAH INOVASI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2025

MBSP telah mendapat tempat ketiga bagi Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) melalui projek EcoTuas (Jabatan Landskap) yang diumumkan semasa Sesi Penyampaian Hadiah Pemenang Pertandingan Inovasi Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2025 Sempena Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama YAB Ketua Menteri Pulau Pinang Tahun 2026 yang telah diadakan pada 22 Januari 2026 di Dewan Sri Pinang Lebuhraya. EcoTuas menentang inovasi hijau bersepadu melalui pembangunan EcoTuas (C - KOOTiP) sebagai jentera mekanikal bagi mengutip tumbuhan invasif keladi bunting di kolam Vision Park. Manakala EcoGrind memproses biojisim yang dikutip menjadi baja organik. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh kawalan ekologi, malah mewujudkan nilai tambah ekonomi berteraskan kelestarian.

Di majlis yang sama MBSP juga telah memperoleh tempat kelima bagi Pertandingan *Innovation Blast* menerusi projek i-Filamen (Jabatan Perkhidmatan Perbandaran). i-Filamen memperkenalkan kaedah mengitar semula botol plastik PET kepada filamen pencetak 3D melalui kombinasi pemotong botol DIY dan *extruder* filamen serta integrasi strategik bersama Penang Science Cluster. Inisiatif ini membuka ruang pemanfaatan sisa plastik menjadi bahan bernilai untuk penghasilan produk bercetak 3D seperti hiasan, alat bantu pengajaran dan produk komuniti.

4. SOAL SELIDIK BAJET MBSP 2027

Sukacitanya di sini saya ingin memaklumkan bahawa MBSP telah menyediakan Soal Selidik Bajet 2027 untuk mendapatkan idea, pandangan dan cadangan daripada pemegang taruh di Seberang Perai berhubung dengan perkhidmatan yang perlu ditambah baik dan diberi keutamaan oleh MBSP. MBSP amat berbesar hati dan ingin melibatkan warga Seberang Perai dalam merangka Bajet 2027 bagi memastikan perkhidmatan MBSP memenuhi keperluan rakyat Seberang Perai.

Soal selidik ini akan dimuat naik ke dalam laman web MBSP iaitu www.mbsp.gov.my mulai 2 Februari hingga 28 Februari 2026. MBSP amat menghargai masa dan kerjasama warga Seberang Perai dalam memberikan pandangan dan mengisi soal selidik ini.

Input bajet yang diperolehi akan dianalisa dan dimasukkan dalam penyediaan Bajet 2027. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai yang terlibat di talian 04-5497462 @ afiqazizi@mbasp.gov.my (En. Muhamad Afiq Azizi), 04-5497841 @ nurhanani@mbasp.gov.my (Pn. Hanani) atau 04-5497890 (Unit Bajet).

5. PEMAKLUMAN JADUAL KUTIPAN SAMPAH PUKAL DAN KUTIPAN TAMBAHAN SAMPAH DOMESTIK SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2026 DI KAWASAN SEBERANG PERAI

Bersempena dengan sambutan Tahun Baru Cina 2026 yang bakal disambut pada 17 Februari 2026 (Selasa). Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan membuat penambahan dan pindaan kepada jadual kutipan sampah pukal dan domestik seperti kebiasaan yang diamalkan setiap tahun. Perincian berkenaan pindaan dan tambahan jadual adalah seperti berikut :

a) Sampah pukal bagi kawasan taman perumahan

Penambahan kekerapan bagi kutipan sampah pukal di taman-taman perumahan di seluruh Seberang Perai iaitu daripada **sekali seminggu** kepada **dua (2) kali seminggu** (sebanyak empat (4) kali pusingan) seperti berikut :

- Pusingan Pertama iaitu pada 5 hingga 7 Februari 2026;
- Pusingan Kedua iaitu pada 8 hingga 10 Februari 2026;
- Pusingan Ketiga iaitu pada 11 hingga 13 Februari 2026;
- dan
- Pusingan Keempat iaitu 14 hingga 16 Februari 2026

- b) Sampah pukal bagi tong komunal bagi penduduk kampung dan tong RORO di pasar awam & kompleks makanan milik MBSP**

Penambahan kekerapan bagi kutipan sampah pukal seperti lokasi yang disebut di atas iaitu daripada **seminggu sekali** kepada **dua (2) kali sehari** bermula pada 7 hingga 16 Februari 2026.

- c) Sampah pukal di pusat pengumpulan sampah di kawasan flat / pangsapuri / apartment / kondominium (jenis strata)**

Penambahan kekerapan bagi kutipan sampah pukal seperti lokasi yang disebut di atas iaitu daripada **seminggu sekali** kepada **dua (2) kali sehari** bermula pada 7 hingga 16 Februari 2026.

- d) Sampah domestik bagi tong komunal dan tong RORO di pasar awam & kompleks makanan milik MBSP**

Penambahan kekerapan kutipan daripada **sehari sekali** kepada **dua (2) kali sehari** bagi tong-tong komunal dan tong RORO di pasar awam dan kompleks makanan pada 16 Februari 2026.

Perubahan jadual kutipan ini adalah selaras dengan dasar MBSP untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Seberang Perai terutamanya pada musim perayaan.

MBSP menyeru agar semua pihak di Seberang Perai supaya dapat mengurangkan penjanaan sisa sampah serta tidak membazirkan makanan dan mengamalkan kitar semula semasa menyambut perayaan Tahun Baru Cina 2026.

6. NIBONG TEBAL FESTIVAL 2026

Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Pusat Khidmat KADUN Jawi dan disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Global Tourism (PGT) akan menganjurkan *Nibong Tebal Festival 2026* pada 7 & 8 Februari 2026 (Sabtu & Ahad) di Jalan Pasar Lama, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan bermula dari jam 6.00 petang hingga 11.00 malam.

Nibong Tebal Festival 2026 merupakan penganjuran kali ke-3 sejak ia diperkenalkan pada tahun 2024. *Street Art Festival* ini adalah sebuah program komuniti berkonsepkan *gastronomy*, kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dalam memperkasa dan mempromosikan komponen pelancongan dan ekonomi kreatif serta memangkin aktiviti *Local Economic Development (LED)* dan tumpuan awam di Seberang Perai Selatan.

Festival yang dibawakan secara **PERCUMA** ini telah menarik ramai pengunjung tempatan dan luar daripada pelbagai golongan dan etnik untuk hadir menyaksikan kepelbagaian pengisian seni, budaya, muzik, tarian, *hands-on workshop* dan sebagainya sepanjang dua (2) hari festival ini berlangsung. Antara pengisian *Nibong Tebal Festival 2026* adalah *Projection Mapping Showcase*, *International Buskers*, *Drum Circle*, persembahan api, bengkel Kaligrafi Khat dan Tulisan Cina, demonstrasi masakan tradisional, *Asian Board Games*, pameran barangan *Upcycle*, pameran *Levelling Up Seberang Perai*, pertunjukan bunga api, *food alley*, cabutan bertuah yang menawarkan hadiah utama sebuah Perodua Axia Spec E (kapasiti enjin 1.0) dan banyak lagi.

MBSP mengharapkan komuniti setempat di Seberang Perai khasnya dan seluruh negeri Pulau Pinang serta pengunjung dari negeri-negeri lain akan hadir bagi memeriahkan *Nibong Tebal Festival 2026* ini.

7. PENGANJURAN INTERNATIONAL TROPICAL ARBORICULTURAL CONFERENCE (INTAC) SEBERANG PERAI 2026

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menyambut baik penganjukan International Tropical Arboricultural Conference (INTAC) Seberang Perai 2026 yang akan berlangsung pada 22 hingga 24 September 2026. INTAC Seberang Perai 2026 bertemakan *Advancing Tropical Arboriculture Towards Sustainable Cities* merupakan persidangan antarabangsa dalam bidang arborikultur anjukan Persatuan Arborist Malaysia (PArM) dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Jabatan Landskap Negara sebagai penganjur bersama, serta sokongan rakan strategik seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dengan jumlah sasaran 200 – 250 peserta dari dalam dan luar negara, MBSP berharap penganjukan ini memberi manfaat langsung kepada bandar, komuniti dan alam sekitar melalui perkongsian ilmu serta amalan terbaik dalam pengurusan aset hijau bandar. Sehubungan itu, MBSP menyokong sepenuhnya penganjukan INTAC Seberang Perai 2026 dan berharap ia dapat dilaksanakan dengan jayanya sebagai acara berimpak tinggi yang mengangkat imej Seberang Perai serta memperkukuh agenda kelestarian bandar.

8. PENCEROBOHAN KAWASAN LAPANG SELenggaraAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

MBSP ingin menegaskan bahawa semua kawasan lapang di bawah selenggaraan MBSP ialah kawasan awam yang telah diwartakan untuk kepentingan komuniti. Kawasan ini diperuntukkan sebagai ruang rekreasi dan kawasan hijau bagi memastikan kesejahteraan serta kualiti hidup penduduk.

Sehubungan itu, MBSP tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang pencerobohan atau penyalahgunaan kawasan lapang, termasuk:

- Pembinaan atau struktur tanpa kelulusan/kebenaran;
- Aktiviti pertanian persendirian;
- Penguasaan/penggunaan kawasan untuk kepentingan individu atau pihak tertentu, atau;
- Apa-apa aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang, peraturan dan syarat MBSP.

Pencerobohan bukan sahaja menjejaskan perancangan bandar dan fungsi kawasan hijau, malah boleh mengundang risiko keselamatan, kebersihan, kerosakan harta awam serta menafikan hak orang awam untuk menikmati kemudahan yang sepatutnya.

Justeru, MBSP melalui jabatan berkaitan akan mempertingkatkan dan memperkukuh tindakan penguatkuasaan termasuk:

- Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan berkala;
- Mengeluarkan notis/arrah henti serta arahan pengosongan;
- Melaksanakan tindakan meroboh/menyita ke atas struktur atau penggunaan tidak dibenarkan, dan;
- Mengambil tindakan undang-undang yang tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati melakukan pencerobohan.

Orang awam juga diminta memberi kerjasama dengan melaporkan sebarang aktiviti pencerobohan kepada MBSP agar tindakan segera dapat diambil demi memelihara kepentingan bersama.

9. SAMBUTAN HARI THAIPUSAM

Di kesempatan ini, MBSP ingin mengucapkan mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam kepada penganut agama Hindu yang meraikannya. Hari Thaipusam pada tahun ini disambut pada 1 Februari 2026 (Ahad) dan 2 Februari 2026 adalah cuti umum gantian bagi negeri Pulau Pinang.

Sambutan Hari Thaipusam melambangkan nilai kesyukuran, pengorbanan, disiplin diri serta keinsafan spiritual yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.

Kepelbagaian budaya dan kepercayaan yang diraikan secara harmoni merupakan kekuatan utama bandaraya kita dalam membina komuniti yang inklusif dan sejahtera.

Saya turut menyeru semua pihak agar menyambut perayaan ini dengan penuh tertib, keselamatan dan semangat muhibah, serta sentiasa mematuhi peraturan demi kesejahteraan bersama.

Semoga sambutan ini membawa keberkatan, kesejahteraan dan kedamaian kepada semua.

Selamat Menyambut Hari Thaipusam.

10. SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

Saya mewakili MBSP dan seluruh warga kerja mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada masyarakat berbangsa Cina yang menyambut perayaan ini. Tahun Baru Cina pada kali ini akan disambut pada 17 Februari 2026 (Selasa). Oleh itu, 17 & 18 Februari 2026 adalah cuti umum bagi negeri Pulau Pinang.

Perayaan ini bukan sahaja melambangkan permulaan baharu, kemakmuran dan kebahagiaan, malah turut mencerminkan semangat perpaduan yang utuh dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di bandaraya kita.

Semoga Tahun Baru ini membawa kesejahteraan, kemakmuran, kesihatan yang baik serta kejayaan berterusan kepada semua. Marilah kita terus memupuk semangat muhibah, toleransi dan kerjasama demi membina bandaraya yang mampan, progresif dan sejahtera. Gong Xi Fa Cai.

Justeru itu, di musim perayaan dan cuti kelepasan am ini diingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya berhati-hati di jalanraya.

11. SAMBUTAN RAMADAN AL-MUBARAK 1447H

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan Al-Mubarak kepada seluruh umat Islam. Ramadan 1447H dijangka disambut pada 19 Februari 2026.

Bulan Ramadan merupakan bulan penuh keberkatan yang mendidik nilai kesabaran, keikhlasan, keinsafan dan kepedulian terhadap sesama insan, selaras dengan usaha membentuk masyarakat yang berakhlak, berintegriti dan sejahtera.

Semoga Ramadan kali ini menjadi ruang untuk memperkukuh perpaduan, mempererat ukhuwah serta menyuburkan nilai kasih sayang dalam komuniti bandar raya kita.

Selamat berpuasa dan semoga segala ibadah diterima Allah SWT. Suka juga diingatkan supaya jaga kesihatan dan amalkan pemakanan yang sihat.

Sekian, terima kasih.